

PM gesa usahawan teroka

UM 7 AUG 2022

PETALING JAYA 6 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu usahawan bumiputera meneroka pasaran terbuka dan tidak terlalu bergantung kepada kerajaan dalam memasarkan barangan keluaran mereka.

Beliau berkata, pergantungan 100 peratus kepada kerajaan termasuk dalam mendapatkan kontrak akan menyebabkan mereka tidak ada daya saing dan seterusnya gagal meningkatkan kecekapan dan kualiti produk masing-masing.

“Boleh dikatakan di kalangan kontraktor bumiputera 100 peratus bergantung kepada kontrak kerajaan. Kalau tak ada kontrak kerajaan mereka tidak mampu bersaing.

“Dengan kontrak kerajaan pun antara mereka sendiri tidak sanggup bersaing. Sebab itu mereka hendak runding terus, bagi projek runding terus.

Semua minta macam itu,” katanya.

Bagi Dr. Mahathir, sikap sebegitu menyebabkan di kalangan usahawan bumiputera pun tidak ada persaingan.

“Dengan itu kualiti tak meningkat, kecekapan tak meningkat,” ujarnya ketika berucap merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengingatkan usahawan bumiputera supaya memberi perhatian kepada pasaran terbuka kerana ia merupakan pasaran sebenar yang dapat membantu mengembangkan permintaan terhadap barangan mereka.

“Saya dapati usahawan bumiputera perlu pada jaminan kerajaan untuk membeli barangan keluaran mereka, dan ini bukan 100 peratus perniagaan,” katanya.

Walaupun perniagaan

seperti itu tidak mempunyai risiko serta tidak memerlukan pengurusan yang cekap dan baik, beliau berkata, ia tidak dapat membantu mengembangkannya perniagaan itu.

Tambahnya, hanya dengan meneroka pasaran terbuka, barangan mereka dapat dipasarkan kepada lebih banyak penguna di dalam dan luar negara.

Budaya baik

Dalam hal ini, Dr. Mahathir turut menekankan betapa pentingnya etika dan budaya yang baik diterapkan dalam urusan perniagaan.

“Ya, kecekapan penting tetapi tanpa budaya yang baik akan menjadikan seseorang itu sebagai penjenayah. Dia akan menyalahgunakan kedudukannya.

“Usahawan yang tidak dapat menahan nafsu apabila melihat wang yang banyak yang boleh diambil begitu sahaja,

walaupun syarikat itu milik mereka sendiri, telah melakukan jenayah,” katanya.

Justeru Perdana Menteri menarik perhatian kepada pengurusan kewangan dalam syarikat yang bukan sahaja memerlukan kecekapan bahkan kesabaran dan amanah.

“Jangan hendak berjaya serta-merta kerana kebiasaannya, sesuatu perniagaan itu mengambil masa beberapa tahun sebelum dapat membuat untung,” katanya.

Malah dalam tempoh tiga tahun pertama, menurut Dr. Mahathir, pengusaha terpaksa menambah modal bagi memperbesar perniagaan supaya lebih menarik pelanggan.

Untuk menjadi usahawan, baginya, etika dan budaya perniagaan perlu difahami supaya mereka bukan sahaja cekap mengurus syarikat bahkan mampu membaca kehendak pasaran.

pasaran terbuka